

Baca dan fahami teks serta kenal pasti isi-isi penting yang terdapat dalam teks.

Kita Lakukan Bersama-sama

Rumah Terbuka

Amalan rumah terbuka merupakan satu cara masyarakat di negara ini bergaul antara satu sama lain. Dengan menghadiri rumah terbuka, masyarakat yang berbilang bangsa di negara ini dapat berkenal-kenalan dan beramah mesra. Amalan kunjung-mengunjungi juga dapat mengeratkan hubungan silaturahim.



Usung Rumah

Amalan mengusung rumah dilakukan untuk memindahkan rumah ke lokasi baharu. Amalan ini menjadi satu budaya masyarakat tradisional di negara ini. Amalan mengusung rumah menunjukkan masyarakat yang sangat prihatin sesama jiran tetangga. Mereka mencari buluh di hutan bersama-sama. Kemudian, mengikat buluh-buluh di bahagian bawah rumah. Selepas itu, rumah tersebut diusung ke lokasi tapak rumah yang baharu. Setelah selesai, para pengusung rumah akan dijamu dengan makanan dan minuman. Keadaan ini menunjukkan tuan rumah prihatin dan menghargai pertolongan yang diberikan oleh masyarakat.



GUNTING RAMBUT PERCUMA!



Gunting Rambut Percuma

Perkhidmatan gunting rambut secara percuma meringankan beban ibu bapa. Perkhidmatan ini dijalankan hasil kerjasama ketua kampung dan masyarakat setempat di Kampung Tok Rimau. Ketua kampung menyatakan bahawa perkhidmatan seperti ini mampu membantu masyarakat setempat yang berpendapatan rendah. Usaha ini membuktikan penduduk kampung tersebut mengambil berat tentang kebajikan sesama mereka. Bagi mereka, berat sama dipikul, ringan sama dijinjing.



Gerobok Rezeki

Gerobok Rezeki ini terdapat di beberapa buah masjid dan surau. Gerobok Rezeki ini ditempatkan di bahagian luar masjid atau surau. Hal ini bagi memudahkan golongan miskin mengambil barangan keperluan mereka. Barangan tersebut disumbangkan oleh masyarakat setempat yang ingin berkongsi rezeki. Barang-barang yang disediakan termasuklah beras, tepung, susu bayi, minyak masak, dan sebagainya. Gerobok Rezeki ini menunjukkan bahawa masyarakat di negara ini prihatin.



Kenal pasti faedah amalan masyarakat prihatin yang terdapat dalam teks.

1. Rumah Terbuka
2. Usung Rumah
3. Gunting Rambut Percuma
4. Gerobok Rezeki